

# **AMALAN TABU SUKU MAH MERI TANJUNG SEPAT, BANTING SELANGOR**

*(Traditions and Taboos of the Mah Meri Tribe of Tanjung Sepat, Banting, Selangor)*

*Azyantee Mohd Zawawi*

azyanzarra@gmail.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan menghuraikan beberapa aspek dalam amalan tabu masyarakat Mah Meri Tanjung Sepat. Aspek tersebut merangkumi perkahwinan, kematian, kelahiran dan pekerjaan. Bersandarkan pendekatan kualitatif, data dikumpulkan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam. Selain itu, data hasil analisis kandungan turut digunakan sebagai sokongan. Dapatan kajian ini mendapati amalan tabu dalam kalangan masyarakat Mah Meri masih dipertahankan. Amalan ini didapati berkait rapat dengan kepercayaan nenek moyang masyarakat tersebut dan diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain bagi memastikan kelangsungan amalan tersebut dalam kehidupan komuniti. Yang lebih utama, amalan ini diamalkan demi mempertahankan tradisi asli masyarakat Mah Meri yang terkenal dengan nilai jati diri yang tinggi. Hasil kajian ini bukan sahaja dapat memberikan pencerahan berkaitan adat dan tradisi masyarakat Mah Meri, malah memberikan satu lagi sumbangan dalam kosa ilmu kemasyarakatan rumpun Melayu.

Kata kunci: tabu, tradisi, adat, Mah Meri, perkahwinan, kelahiran, kematian, pekerjaan

## **Abstract**

*This study aims to describe some aspects of the traditions and taboos concerning marriage, funerals, births and work among the Mah Meri community of Tanjung Sepat. Utilizing a qualitative approach, data was collected through the in-depth interview method. For supporting purposes, data obtained through content analysis also used in the study. The results of the study indicate that traditions and taboos are still of the utmost importance in the Mah Meri community. This correlates with the belief system passed down from one generation to another which ensures the continuity of those practices in the community. Since the Mah Meri community is well-known for their*

*pride in their own identity, the continuity of such practices in the community can be seen as a defence mechanism to sustain their indigenous knowledge and traditions. These findings not only enlighten about the customs and traditions of the Mah Meri community, but also contribute greatly to the store of knowledge concerning the sociology of the Malay world.*

*Keywords:* taboos, traditions, customs, Mah Meri, marriage, birth, death, work

## PENDAHULUAN

Budaya bermaksud cara hidup bagi sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai adat istiadatnya yang tersendiri yang berfungsi sebagai penyataan zahir yang didukung oleh sesuatu masyarakat. Adat istiadat termasuklah pantang larang atau tabu yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Kata tabu (*taboo*) berasal daripada bahasa Polinesia berdasarkan kepercayaan masyarakat terhadap kekuatan kuasa ghaib (*The Encyclopedia Americana*, 1993). Sekiranya *taboo* dilanggar, dikhawatir anggota masyarakat akan ditimpakan musibah. Menurut S. Natesan (1997), tabu diertikan sebagai larangan, dan larangan itu lazimnya dikenakan pada sesuatu amalan, perbuatan, pakaian, dan yang seumpamanya. Demikian juga ada larangan terhadap penggunaan bahasa yang diujarkan oleh manusia.

Catatan oleh Noor Aina (2002) menyatakan bahawa istilah “tabu” wujud berdasarkan tahap kepercayaan penduduk terhadap kekuatan kuasa ghaib. Malah, jika tabu dilanggar, dikhawatir individu ataupun anggota masyarakat akan ditimpakan kecelakaan. Tabu berfungsi sebagai alat kawalan, pengongkong atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh sesuatu masyarakat agar tidak melakukan sesuatu perkara dengan sewenang-wenangnya. Tabu turut dikaitkan dengan keselamatan diri, harta benda dan hubungan sosial yang menjadi petanda bagi status sosial seseorang dalam sesebuah masyarakat. Fungsi ini, menurut Noor Aina, dapat dilihat berperanan melalui penggunaan bahasa berbeza-beza yang menunjukkan kehalusan budi dan undang-undang tidak tertulis. Kewujudan tabu dan amalannya merupakan kebiasaan dalam semua masyarakat. Walaupun bentuk dan amalannya berbeza-beza, tujuan dan kesan tabu tetap sama, sama ada positif atau negatif. Oleh yang demikian, tabu tidak terhad pada larangan dari aspek bahasa atau istilah yang ditegah sahaja, tetapi turut merangkumi segala pantang larang dalam sesuatu urusan.

Bagi masyarakat orang asli, kepercayaan terhadap amalan nenek moyang telah melahirkan amalan tabu yang berupa satu set pantang larang sebagai pegangan dalam apa jua urusan. Perkara yang menjadi pantang larang merangkumi hal yang berkaitan agama, perayaan, aktiviti ekonomi kebahasaan dan sebagainya (Saiful Bahri, 2003).

Mereka berwaspada dengan tingkah laku mereka supaya tidak ditimpah bencana. Dalam hal ini, pantang larang ketika melakukan sesuatu pekerjaan atau upacara tertentu sangat dititikberatkan dan dipatuhi, termasuklah larangan menggunakan beberapa istilah yang biasanya dikaitkan dengan sesuatu amalan (Amat Johari Moain, 1990).

### LATAR BELAKANG MASYARAKAT MAH MERI

Suku Mah Meri merupakan salah satu kumpulan minoriti orang Asli daripada golongan Senoi. Istilah “Mah Meri” bermaksud “orang hutan”. Masyarakat ini menuturkan bahasa Sisi atau Bersisi daripada keluarga bahasa Senoi dari jenis Mon Khmer. Masyarakat ini kebanyakannya mendiami pesisir pantai di Selangor. Menurut Carey (1976), penempatan Mah Meri di Selangor ialah di sekitar pantai menghala ke selatan daerah Sepang terutama di Tanjung Sepat dan Bukit Bangkong. Sebahagian besar Mah Meri mendiami Pulau Carey yang terletak di pesisir pantai Barat Selangor.

Masyarakat Mah Meri di Tanjung Sepat menjalankan aktiviti ekonomi seperti nelayan, mengusahakan ladang sawit, mencari hasil hutan, di samping mengukir patung dan topeng, tukang jahit, dan bertani. Terdapat juga dalam kalangan masyarakat Mah Meri yang berkerja dalam sektor kerajaan, iaitu sebagai guru. Walau bagaimanapun, tidak ramai masyarakat Mah Meri yang berkerja dalam sektor kerajaan.

Masyarakat Mah Meri menganuti kepercayaan animisme. Mereka percaya pada Tuhan yang merupakan kuasa tertinggi yang mencipta manusia dan alam. Selain Tuhan, masyarakat ini turut percaya kepada roh nenek moyang, hantu dan semangat setiap makhluk, seperti binatang dan tumbuhan. Penghormatan terhadap roh dan semangat ini dijelaskan melalui perayaan keagamaan yang bertujuan pemujaan dan melahirkan rasa syukur kepada roh nenek moyang dan semangat halus yang melancarkan urusan kehidupan. Sama seperti upacara keagamaan ini, amalan tabu juga merupakan salah satu tanda hormat pada entiti tersebut (Carey, 1976).

Walau bagaimanapun, perubahan persekitaran yang berlaku pada masa kini menimbulkan persoalan sama ada masyarakat Mah Meri masih mengamalkan tabu sebagai salah satu peraturan yang tidak tertulis dalam kehidupan mereka atau tidak. Begitu juga dengan amalan kebudayaan yang sentiasa menerima perubahan seiring dengan peredaran waktu, memandangkan imperialisme budaya yang melibatkan media massa dan promosi budaya asing menyumbang masalah kehancuran budaya asli (Tomlinson, 1991). Oleh itu, usaha penyelidikan ini dapat menentukan tahap penghayatan suku kaum Mah Meri tentang tabu yang telah lama menjadi amalan dalam kehidupan mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian tentang pantang larang masyarakat Mah Meri pernah dijalankan oleh Choi Kim Yok (2006). Kajian beliau bersifat deskriptif dengan huraian ringkas dalam beberapa aspek, termasuklah sistem pelantikan Tok Batin, kematian, mengandung, dan sewaktu ke hutan dan ke laut.

Kajian ini pula dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti amalan tabu dan kepercayaan yang masih diamalkan oleh masyarakat Mah Meri di Tanjung Sepat dalam beberapa aspek, iaitu perkahwinan, kematian, kelahiran dan pekerjaan. Dengan menggunakan pendekatan kerja lapangan, kajian ini melibatkan pengambilan data secara pemerhatian langsung, temu bual dan rakaman terhadap masyarakat orang asli suku Mah Meri di Tanjung Sepat, Banting, Selangor. Pemilihan informan berdasarkan autoriti dalam kalangan masyarakat tersebut. Informan berpotensi dicadangkan oleh Tok Batin dan terdiri daripada 10 orang penduduk kampung. Masyarakat tersebut terdiri daripada individu yang berumur antara 40 tahun hingga 80 tahun daripada pelbagai kumpulan sosial, iaitu kakitangan kerajaan, nelayan, petani, buruh dan suri rumah. Temu bual informan dirakamkan dalam situasi tidak formal dengan menggunakan kamera digital, kamera video dan catatan nota lapangan. Pemerhatian pengkaji terhadap amalan tabu masyarakat Mah Meri turut diambil kira.

## TABU DALAM UPACARA PERKAHWINAN

Dalam masyarakat Mah Meri tabu dikesan dalam perkahwinan. Masyarakat suku kaum Mah Meri, melakukan upacara perkahwinan dari satu peringkat ke satu peringkat mengikut susunan yang telah ditetapkan. Upacara perkahwinan yang mengikut susunan secara tertib ini dan diselangi oleh bacaan jampi serapah oleh Tok Batin. Bacaan jampi serapah dipercayai dapat mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini. Upacara perkahwinan yang diketuai oleh Tok Batin dan dibantu oleh beberapa orang anak buahnya ini berlangsung selama beberapa hari.

Pada awal upacara, pihak lelaki akan memperkenalkan bakal isterinya kepada ahli keluarga. Adat merisik adakalanya tidak dijalankan, bergantung pada keperluan untuk melaksanakannya. Hasil temu bual mendapati, perkenalan antara pasangan biasanya terjadi sebelum perancangan perkahwinan dibuat. Dalam keadaan seperti ini, adat merisik tidak perlu dilakukan. Suku ini tidak menetapkan sebarang pantang larang dalam aspek pemilihan jodoh.

Walau bagaimanapun, perkahwinan antara sepupu tidak digalakkan. Menurut informan yang ditemui, perkahwinan antara sepupu dianggap perkahwinan “sedarah sedaging”. Perkahwinan “sedarah sedaging” yang dimaksudkan oleh mereka ialah seperti perkahwinan antara adik-beradik. Perkahwinan antara sepupu juga dipercayai

“panas” dan akan menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti mengalami perbalahan dan berantakan akhirnya tidak berkekalan. Selain itu, jika berlaku sesuatu yang tidak diingini, iaitu penceraian, akan menyebabkan hubungan kekeluargaan terputus.

Upacara diteruskan dengan meletakkan “bedak *langi*” oleh ibu bapa pengantin yang bertujuan menyucikan segala kotoran yang ada dalam diri pasangan pengantin sebelum melangkah ke alam perkahwinan. Bedak *langi* merupakan tepung yang berwarna putih dan berbau wangi. Peletakan bedak *langi* disertakan niat oleh ahli keluarga pengantin lelaki dan perempuan. Bedak *langi* tidak akan dicuci sehingga bedak tersebut kering. Tok Batin akan membacakan jampi serapah bertujuan memohon kesejahteraan daripada roh nenek moyang agar acara berjalan lancar.

Masyarakat Mah Meri juga terkenal dengan teromba yang sudah menjadi satu kebiasaan setiap kali berlangsungnya upacara perkahwinan. Teromba yang berupa riwayat atau perbilangan ini dibacakan dengan tujuan untuk menyampaikan isi hati pengantin. Yang berikut merupakan keratan teromba yang dibacakan oleh Tok Batin sewaktu upacara perkahwinan.

Tiga ratus bukan harga,  
Seribu tidak dijual,  
Cuma memenuhi syarat anakanda.

(Temu bual Tok Batin,Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Acara diteruskan dengan upacara “mandi langit”. Mandi langit merupakan upacara memandikan pasangan pengantin bagi membersihkan kedua-duanya daripada kekotoran dan anasir jahat. Upacara mandi langit ini juga dipanggil mandi tolak bala. Upacara ini dilakukan oleh Tok Batin dan dibantu beberapa orang anak buahnya bagi tujuan menolak bala. Upacara ini turut disertakan dengan bacaan serapah. Antara bahan-bahan dan alatan yang digunakan termasuklah tiga tempayan air atau juga dikenali sebagai “air buyung” (“buyung” bermaksud tempayan dalam bahasa Melayu baku), “bunga *gumba*” ialah daun palas, beberapa jenis bunga, air limau nipis, limau nipis yang dibelah empat, dan kain putih. Pengantin akan dimandikan oleh Tok Batin dengan tiga tempayan air yang telah disediakan. Upacara ini dilakukan di bawah kain putih yang direntangkan merentasi pasangan pengantin yang duduk di bawah kain tersebut. Pembantu Tok Batin akan memegang kain putih dan pengantin akan duduk secara berlunjur di bawah kain tersebut. Sebelum upacara mandi langit dimulakan, ahli keluarga terdekat pasangan pengantin dijemput untuk melumurkan bedak *langi* yang berbaki kepada pasangan pengantin tersebut. Perlakuan ini merupakan simbolik restu masyarakat Mah Meri terhadap perkahwinan tersebut.



Rajah 1 Pengantin lelaki dan perempuan dalam upacara mandi langit.



Rajah 2 Para tetamu memeriahkan majlis perkahwinan dengan melumurkan bedak *langi* antara satu sama lain.

Yang lebih menarik, para tetamu turut memeriahkan majlis perkahwinan ini dengan melumurkan bedak *langi* antara satu sama lain.

Upacara mandi tolak bala bermula apabila Tok Batin mula menyiram air ke badan pengantin. Pengantin akan mencuci badan antara satu sama lain. Bunga *gumba* dilurutkan bermula dari kepala sehingga ke kaki pengantin. Apabila selesai, bunga *gumba* dibuang sebagai tanda membuang semua kekotoran dan kejahanatan daripada pasangan pengantin. Mereka percaya bahawa segala kotoran dan kejahanatan telah terlekat pada bunga *gumba*. Seperti juga upacara sebelumnya, acara mandi langit turut diselangi dengan bacaan serapah oleh Tok Batin.

Setelah acara mandi langit sempurna, pengantin dibawa masuk untuk disolek oleh mak andam. Setelah selesai dipakaikan pakaian pengantin dan disolek, hanya pengantin lelaki dibawa keluar untuk acara perarak. Pengantin lelaki akan dibawa berarak mengelilingi kampung, diikuti dengan acara silat. Acara silat ini melibatkan dua pihak yang menjadi wakil bagi pihak pengantin lelaki dan pengantin perempuan. Kain putih pula diletakkan di tengah-tengah pesilat sebagai simbol benteng. Pihak lelaki harus berusaha untuk melepasi benteng tersebut untuk mendapatkan pengantin perempuan.

“Upacara silat harus dilakukan bagi tujuan menakut-nakutkan makhluk halus yang ingin mengganggu pasangan yang baru berkahwin. Apabila makhluk halus melihat terdapat dua orang laksamana yang gagah sedang bertarung, maka makhluk halus takut untuk mengganggu pasangan yang baru berkahwin. Itulah tujuan silat dilakukan dan dua hulubalang yang terlibat mewakili darat dan laut.”

(Temu bual Tok Batin, Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Menurut kepercayaan suku kaum Mah Meri, acara silat bertujuan untuk menakut-nakutkan makhluk halus yang cuba mengganggu keamanan dan ketenteraman pasangan pengantin tersebut. Secara simboliknya, pesilat ialah hulubalang laut dan darat yang menjaga pasangan pengantin baru daripada gangguan makhluk halus. Selesai acara silat, Tok Batin akan memegang tangan kedua-dua pesilat dan jampi serapah dibacakan. Relevannya mereka melakukan sedemikian adalah sebagai tanda kata sepakat antara kedua-dua belah pihak dicapai dan wang syiling akan ditaburkan. Sepanjang acara berlangsung, alunan muzik dimainkan mengiringi perjalanan majlis perkahwinan tersebut.

Upacara perkahwinan turut diserikan dengan pertarungan antara pahlawan pihak lelaki dan perempuan. Pengantin perempuan pula diletakkan di dalam “lingkungan tepung”. Lingkungan tepung ialah satu lingkungan yang dibuat menggunakan kain. Selesai acara perarak dan silat, pengantin lelaki dibawa mengelilingi lingkungan

tepung, tempat “perlindungan” pengantin perempuan. Pengantin lelaki perlu mengelilingi lingkungan tepung sebanyak tujuh kali. Pengantin lelaki kemudian dikehendaki mencari dan menarik tangan pengantin perempuan yang dikelilingi beberapa orang gadis lain.

“Pengantin lelaki harus mencari tangan pengantin perempuan dan menarik pengantin perempuan keluar dari lingkungan tepung. Acara ini bertujuan untuk menguji tahap keutuhan kasih sayang antara pasangan yang berkahwin. Malah acara ini juga bertujuan untuk mengusik pasangan suami isteri yang baru mendirikan rumah tangga.”

(Temu bual dengan Puan Sarimah, Penduduk Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Apabila semua upacara perkahwinan selesai, maka pasangan pengantin akan dibawa masuk ke dalam rumah dan majlis membacakan undang-undang perkahwinan akan berlangsung. Undang-undang perkahwinan suku ini dibacakan oleh Tok Batin. Upacara perkahwinan masyarakat Mah Meri berakhir dengan penerangan tentang undang-undang kahwin dan penceraian oleh Tok Batin.

### TABU SEWAKTU KELAHIRAN

Pantang larang orang asli Mah Meri sewaktu menyambut kelahiran pula bermula apabila seorang wanita itu disahkan mengandung sehingga selamat melahirkan bayinya. Kaum wanita yang bakal menjadi ibu harus mematuhi pelbagai pantang larang yang ditetapkan. Bukan hanya kepada golongan ibu yang mengandung, kaum lelaki juga harus mematuhi pantang larang. Tujuannya untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Masyarakat Mah Meri memberikan keutamaan terhadap kandungan bermula pada peringkat awal kandungan hingga mencapai usia empat bulan. Mereka percaya bahawa dalam tempoh masa tersebut, sebarang kemungkinan yang buruk boleh berlaku dan menimpa bayi dalam kandungan. Mereka milarang keras ibu yang mengandung duduk di hadapan pintu rumah. Larangan ini tidak sekadar untuk ibu mengandung sahaja, anak dara juga tidak digalakkan duduk di hadapan pintu. Ibu mengandung juga tidak dibenarkan memaku kerana perbuatan sedemikian dipercayai menyebabkan mereka mengalami kesukaran sewaktu melahirkan.

“Ibu mengandung banyak pantang larangnya. Tujuannya adalah untuk memastikan kandungan mereka selamat sehingga selamat waktu kelahiran.”

(Temu bual Puan Sarimah, Penduduk Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Suami juga tidak boleh memukul, menganiaya atau membunuh binatang sepanjang tempoh empat bulan pertama kandungan. Perbuatan ini dikhawatir menyebabkan bayi yang dikandung terkena “kenan” dan mengalami kecacatan. Pasangan suami isteri yang bakal menimang anak juga tidak boleh melangkah joran, jala atau tali perahu. Mereka bimbang sekiranya pantang larang ini tidak ditepati, uri (*urik*) bayi yang baru lahir tersekat dan membahayakan nyawa bayi dan ibu. Sepanjang tempoh mengandung, pasangan suami isteri tidak dibenarkan menyembelih binatang. Menurut kepercayaan masyarakat ini, amalan menyembelih binatang sewaktu mengandung diibaratkan menyembelih anak mereka sendiri. Oleh itu, setiap pasangan yang bakal menimang anak harus menjaga setiap tingkah laku sepanjang tempoh kehamilan. Suami juga dilarang menetak buluh (*dik*) kerana perbuatan ini juga diibaratkan seperti menetak isteri atau anaknya. Sepanjang tempoh mengandung, kaum ibu tidak digalakkan memotong tumbuhan atau binatang. Sekiranya mereka melanggar aturan, umur bayi yang bakal lahir tidak panjang dan berkemungkinan bayi tersebut akan meninggal dunia.

Pasangan suami isteri juga dilarang sama sekali melanggar atau menetak tungkul kayu. Sekiranya perkara tersebut terjadi, maka bayi yang dikandung akan mengalami sumbing. Jika ibu atau bapa mengidam untuk makan atau menginginkan sesuatu, setiap permintaan mereka harus dituruti kerana bimbang janin yang dikandung tidak sempurna. Setelah melahirkan anak, si ibu harus berpantang selama 44 hari atau lebih untuk mengembalikan dan memulihkan tenaga dan kesihatan mereka. Sepanjang tempoh berpantang, si ibu akan dijaga sepenuhnya oleh bidan yang telah ditemeah. Menempah bidan lebih kurang sama dengan menempah klinik atau hospital yang dilakukan oleh ibu-ibu dalam masyarakat moden. Walaupun terdapat individu yang melahirkan anak di klinik atau hospital, mereka tetap menjalankan pantang sepanjang berada di rumah sehingga hari yang ke 44 atau lebih.

Uri pula akan ditanam oleh si ayah. Terdapat aturan dan upacara tertentu sebelum menanam uri tersebut. Bidan yang ditemeah akan membacakan jampi serapah berserta dengan niat. Uri tersebut akan dibasuh sehingga bersih dan ditanam bersama-sama lada hitam, garam dan jerangau. Sewaktu memilih tempat yang sesuai untuk menanam uri, tempat tersebut haruslah melepas bayang-bayang. Hal demikian kerana untuk mengelakkan kesan buruk menimpa bayi tersebut. Si ibu pula harus menjaga ibu jari kaki mereka. Sekiranya si ibu tersepak atau tersadung sesuatu, kesihatan si ibu bakal terjejas dan akan kehilangan banyak darah. Mengkuang berduri pula diletakkan di bawah katil atau di bawah rumah pasangan yang baru mendapat anak. Mengkuang berduri dipercayai dapat mengelakkan bayi tersebut daripada diganggu makhluk halus. Mengkuang berduri juga berfungsi sebagai penjaga bayi supaya tidak dilarikan oleh hantu dan jembalang. Kacip pinang pula digantung pada bahagian

bawah buaian kerana mereka percaya makhluk halus akan takut, dan bayi serta ibu tidak akan diganggu.

Setelah genap 44 hari waktu berpantang, ayah, ibu dan anak yang baru lahir dimandikan bersama-sama oleh bidan untuk mencuci segala kotoran yang ada pada keluarga tersebut. Bidan turut membaca jampi serapah sewaktu memandikan ayah, ibu dan anak. Ritual ini dikenali sebagai adat basuh lantai. Upacara perlu dilakukan untuk membayar segala perkhidmatan yang telah dilakukan oleh bidan sepanjang tempoh berpantang. Adat basuh lantai diibaratkan membayar hutang dan setiap manusia yang berhutang harus melangsikannya supaya tidak ditimpah keburukan. Yang berikut jampi serapah yang dibacakan oleh bidan sewaktu adat basuh lantai dijalankan:

Cemar bercuci  
Kotor berbasuh  
Salah bertimbang  
Hukum adat berbayar

(Temu bual dengan Tok Batin, Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Melalui bacaan jampi serapah tersebut dapat kita lihat orang asli Mah Meri di Tanjung Sepat amat mementingkan adat. Sekiranya mereka “berhutang adat” (tidak melakukan ritual yang sepatutnya), mereka percaya akan ditimpah malapetaka. Sebagai menghargai segala khidmat bidan sepanjang tempoh berpantang, keluarga tersebut perlu menyediakan sebiji kelapa yang telah dibelah dua, beras, dan pelbagai barang keperluan yang lain. Buah kelapa yang dibelah dua diberikan satu bahagian kepada bidan. Pemberian ini sebagai bayaran, dan berubah mengikut keperluan dan masa. Satu bahagian lagi daripada kelapa tadi disimpan oleh keluarga. Menurut kepercayaan suku Mah Meri, jika adat basuh lantai tidak dilakukan seperti yang dikehendaki, keluarga tersebut dianggap kotor dan mereka akan mengalami kesusahan.

“Adat perlu dilakukan. Hutang juga harus dibayar kerana bumi akan tuntut kalau ‘hutang’ tak dibayar. Semua ahli keluarga akan ditimpah bala. Kalau keluarga tersebut mempunyai tiga orang anak, maka hutang tersebut akan beralih kepada ketiga-tiga anak tersebut dan mereka semua akan mendapat masalah. Sebab itu, setelah habis berpantang, bidan yang ditempah harus dibayar.”

(Temu bual Tok Batin, Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Mereka yakin, selagi adat tersebut tidak dilaksanakan, perkara buruk akan menimpa mereka dan akan ditanggung dari satu generasi ke satu generasi. Terdapat

pelbagai jenis pantang larang yang lain tetapi tujuannya adalah sama, iaitu untuk menjaga keselamatan ibu dan anak sepanjang dalam kandungan dan selepas melahirkan. Selain mematuhi tabu, ibu yang hamil juga dikehendaki menjalani ritual tertentu bagi memastikan tidak berlaku sebarang masalah.

### **TABU DALAM UPACARA KEMATIAN**

Hari berlakunya kematian dalam masyarakat orang asli Mah Meri merupakan hari nahas. Ahli masyarakat tidak dibenarkan bekerja pada hari tersebut (Choi Kim Yok *et. al*, 2006). Apabila terdapat ahli masyarakat yang meninggal, penduduk kampung tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencangkul, menjahit sebarang jenis pakaian, dilarang memotong kuku dan memasang kelambu. Sekiranya mereka memasang kelambu pada hari berlakunya kematian, mereka percaya bahawa roh mendiang akan kembali kepada jasadnya dan bangkit semula. Mendiang akan ditutup dengan menggunakan sebarang jenis kain yang baharu. Kemenyan (*menyan*) pula digunakan dan diletakkan di ubun-ubun mendiang. Masyarakat Mah Meri percaya bahawa roh orang yang meninggal dunia akan keluar melalui ubun-ubun. Masyarakat Mah Meri percaya sekiranya tabu ini tidak dipatuhi maka akan berlakunya perkara yang tidak diingini. Menurut informan yang ditemu bual, struktur pembinaan rumah suku kaum Mah Meri yang tidak mempunyai bendul berkait rapat dengan amalan tabu ini.

Struktur binaan rumah masyarakat Mah Meri yang tidak mempunyai bendul juga ada kaitan dengan perlanggaran pantang larang oleh anggota masyarakatnya. Menurut kisah tradisi yang telah diceritakan oleh Tok Batin, terdapat seorang wanita yang telah kematian suami telah melanggar tabu dengan memasang kelambu sewaktu hari kematian. Akibatnya, mayat suaminya telah bangkit. Mayat si mati telah dimasuki hantu (*antuk*) dan membunuh seorang peniaga yang sewaktu itu datang untuk berniaga. Lelaki tersebut gagal menyelamatkan diri akibat terlanggar bendul sewaktu cuba keluar dari rumah tersebut. Oleh sebab itulah maka struktur binaan rumah masyarakat Mah Meri tidak mempunyai bendul.

“Sebab itulah rumah masyarakat di sini tidak mempunyai bendul. Perempuan tersebut telah melanggar pantang masa suaminya meninggal. Perempuan tersebut telah memasang kelambu pada hari berlakunya kematian. Perbuatan perempuan tersebut menyebabkan orang halus marah dan masuk ke dalam badan mayat suaminya. Kalau sebut fasal kisah ni, bulu rompa menegak, tak boleh cerita banyak-banyak.”

(Temu bual dengan Tok Batin, Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Mereka juga percaya sekiranya terdapat kucing hitam yang melangkah mayat, makhluk halus akan memasuki badan si mati. Oleh itu, mayat si mati haruslah dijaga rapi supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini. Ayam (hayam) tidak boleh melintas atau mengepakkan sayapnya berhampiran dengan mayat si mati kerana dikhawatir perkara yang sama akan berlaku. Sewaktu pengbumian berlangsung, keranda akan ditanam bersama mayat. Keranda dimasukkan dengan menggunakan tali. Kedudukan mendiang sewaktu dikebumikan kakinya dihalakan ke laut dan kepalanya pula ke darat. Mengikut kepercayaan mereka, apabila mendiang bangkit semula dan terus melihat ke arah laut. Setelah selesai upacara pengebumian, upacara sembahyang kubur dilakukan dan Tok Batin menyampaikan ucapan. Sekiranya guruh berdentum sewaktu upacara sembahyang kubur dijalankan menandakan sewaktu hidup, si mati banyak melakukan keburukan dan bunyi guruh tersebut sebagai tanda dan peringatan daripada tuhan mereka kepada yang masih hidup. Begitu juga apabila terdapat bunyi burung gagak sewaktu upacara pengebumian dilakukan. Burung gagak juga menandakan bahawa akan ada seorang lagi ahli keluarga terdekat yang akan meninggal dunia.

Selesai upacara pengebumian, kawasan kubur dibersihkan dan semua sampah akan dibuang. Nisan juga diletakkan setelah pengebumian selesai. Batu nisan suku Mah Meri pada masa dahulu hanya diperbuat daripada kayu sahaja. Seiring dengan peredaran zaman, nisan suku Mah Mei diperbuat daripada batu, tetapi bergantung pada keadaan dan kesesuaian. Nisan hanya boleh dipacakkkan oleh kaum keluarga terdekat si mati sahaja. Pada hari ketujuh, anak sulung mendiang ditugaskan untuk membahagikan harta pusaka (*sakak*) seperti tanah dan barang kemas. Pada ketika inilah juga nisan dipacakkkan secara serentak dengan pembahagian harta. Bagi mendiang perempuan pula, nisannya haruslah berbentuk pipih (*lepe*) dan kedudukan nisan sewaktu dipacakkkan hendaklah sedikit condong. Bentuk nisan mendiang lelaki pula adalah bulat. Sepanjang upacara pengebumian berlangsung, mereka menyediakan hidangan makanan. Antara hidangan yang disediakan termasuklah air paip, sireh, tembakau, kuih-muih, teh atau kopi. Hidangan ini disediakan sebagai tanda penghargaan kepada roh nenek moyang mereka yang akan datang berziarah dan supaya mereka menjaga dan melindungi mendiang. Sewaktu hidangan disediakan, lima ramuan yang digunakan untuk menyediakan hidangan ini tidak boleh dirasa terlebih dahulu kerana makhluk halus yang datang berziarah tidak akan memakan sisa makanan.

Selesai segala ritual pengebumian, rumah kecil atau lebih dikenali sebagai “rumah sanggar” didirikan di sebelah kaki mendiang dan makanan yang telah disediakan diletakkan di dalamnya. Struktur seni bina rumah sanggar ini tinggi bagi melambangkan kerajaan langit dan bumi. Mereka percaya bahawa struktur binaan

yang tinggi dapat menghubungkan mereka dengan makhluk halus. Selesai upacara pengembaman di tanah perkuburan, bertih akan ditabur sebanyak tiga kali dari kepala hingga kaki si mati, dan dimulakan dari kiri ke kanan. Ritual ini dilakukan bagi menutup apa sahaja yang telah diungkit sewaktu jampi serapah dibacakan. Sewaktu kaum keluarga mula meninggalkan tanah perkuburan, mereka dilarang menoleh ke belakang dan perlu berjalan terus. Sekiranya terdapat ahli keluarga yang menoleh ke belakang, roh si mati akan mengikut mereka pulang ke rumah. Mereka hanya dibenarkan menziarahi kubur si mati selepas tiga hari. Dalam perjalanan pulang daripada tanah perkuburan juga, ahli keluarga mendiang perlu mengetuk besi dan melangkah unggul api yang telah disediakan berhampiran dengan rumah. Apabila sampai di rumah, mereka perlu membersihkan diri bagi membuang anasir yang tidak elok berkaitan mendiang. Semua ritual ini untuk membuang sial yang berkaitan dengan ahli keluarga.

### TABU DALAM URUSAN PEKERJAAN

Masyarakat Mah Meri kebanyakannya mencari sumber rezeki di hutan dan laut. Setiap perlakuan sewaktu ingin melakukan urusan pekerjaan harus dijaga bagi tidak mendatangkan kemarahan penunggu hutan atau laut. Begitu juga dengan tutur kata



**Rajah 3** Rumah Sanggar.

harus dijaga. Bagi mereka, jika kelakuan dan tutur kata tidak dijaga maka mereka akan mendapat kesakitan (*a'ak*) akibat daripada perbuatan mereka sendiri. Antara bahasa tabu sewaktu masuk ke hutan oleh suku ini adalah seperti yang berikut:

harimau - *ninik*  
gajah - *meghat*  
ular - *chong*  
babi - *ketu*  
biawak - *giang*  
buaya - *bayak*  
beruang - *buang*  
beruk - *kok*

Kepercayaan dan amalan ritual berkait rapat dengan hutan dan alam semula jadi, serta makhluk halus yang mereka percaya mendiami kawasan hutan (Ma'Rof Redzuan *et. al.*, 2008). Suku Mah Meri percaya kepada sambutan daripada orang halus melalui kejadian yang berlaku sepanjang perjalanan mereka ke hutan, laut atau sesuatu tempat. Jika mereka berniat melakukan kebaikan maka kedatangan mereka akan disambut dengan baik dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu, mereka haruslah menjaga keamanan dan kesejahteraan hutan agar hubungan baik dengan para penjaga hutan dijaga dan tidak ditimpa musibah. Hal ini juga sering dilakukan bagi tujuan meminta izin daripada makhluk ghaib sebelum meneroka sumber alam.

Berdasarkan kisah yang diceritakan oleh Tok Batin suku Mah Meri yang ditemui, beliau menceritakan kisah yang berlaku kepada beliau sewaktu melalui jalan yang dipenuhi hutan belantara.

“Sewaktu dalam perjalanan ke sesuatu tempat juga, sekiranya hujan lebat berlaku, hal ini juga merupakan satu petanda. Tetapi, sekiranya hujan berhenti apabila kita sampai di tempat tersebut, ini merupakan petunjuk bahawa kedatangan atau kunjungan tersebut dialu-alukan oleh orang halus. Ia membuktikan bahawa penunggu kawasan tersebut suka dengan kedatangan mereka.”

(Temu bual dengan Tok Batin, Kampung Tanjung Sepat, 2011)

Begitu juga sewaktu hendak ke laut. Sebelum turun ke laut, mereka percaya kepada petanda yang seakan-akan memberi amaran dan petunjuk kepada mereka. Mereka menganggap petanda tersebut merupakan petunjuk daripada nenek moyang mereka agar tidak dilanda musibah. Antaranya, pinggan pecah, dan ranting kayu jatuh di hadapan mereka sewaktu dalam perjalanan. Sekiranya mereka tetap turun ke laut mereka akan ditimpa musibah. Begitu kuat tahap kepercayaan mereka

terhadap kuasa alam yang mereka percaya sentiasa memberi bantuan dan petunjuk. Sekiranya terdapat anggota masyarakat yang ditimpa kesusahan, maka khidmat pawang amat diperlukan. Pawang akan dipanggil bagi melakukan upacara tertentu untuk menolak bala (*siah*).

## KESIMPULAN

Pantang larang ini masih diamalkan oleh masyarakat suku Mah Meri di Tanjung Sepat. Amalan ini dapat dilihat menerusi upacara perkahwinan, kematian, kelahiran dan pekerjaan. Amalan yang wujud sejak turun-temurun ini sudah menjadi kewajipan bagi mereka untuk memastikan kelangsungannya. Tahap kepercayaan mereka terhadap tabu dan pantang larang ini kuat dan banyak diamalkan dalam upacara tradisional mereka. Amalan tabu oleh suku Mah Meri di Tanjung Sepat membuktikan bahawa masyarakat di sana masih mementingkan nilai tradisi demi menjaga kesantunan dan adat. Kepercayaan masyarakat ini terhadap alam lahiriah yang mempunyai semangat dan kuasa tertentu menyebabkan wujudnya tabu.

## RUJUKAN

- The Encyclopedia Americana*, 1993. Vol. 26. USA: Grolier Inc.
- Amat Juhari Moain, 1990. Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Carey, Iskandar, "A Brief Account of the Mah Meri" dlm. *JMBRAS* 46 (2), 185-194, 1976.
- Choi Kim Yok et. al, 2006. "Etnografi Kmpung Bukit Bangkong, Sepang" dlm. Asmah Haji Omar, *Bahasa Mah Meri*, hlm. 11-34. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ma'Rof Redzuan et al., 2008. *Orang Asli: Pembangunan Dan Ekologi Hutan*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani, 2002. *Tabu Dalam Masyarakat Melayu di Sarawak*. Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya, Bil. 7. Selangor: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putera Malaysia.
- Roland Robertson, 1997. *Agama Dalam Analisis dan Interpretasi Sosiologi; Alam Pemikiran Primitif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Saiful Bahri, "Pantun Suku Kaum Mah Meri" dlm. *Jurnal Akademika* 62 (1), hlm. 41-57, 2003.
- S. Natesan. "Tabu Dalam Bahasa Melayu" dlm. *Pelita Bahasa*, 9 (3), hlm. 48-49, 1997.
- Tomlinson J, 1991. *Cultural imperialism: a Critical Introduction*. London: Printer Publisher.